

## TARKHRIJ DAN ANALISIS HADITH-HADITH MENGENAI KELEBIHAN MENUNTUT ILMU: KAJIAN TERHADAP KITAB *IHYA* ‘ULUMUDDIN KARYA IMAM AL-GHAZALI

Abdul Azis Awang Kechik, Mohd Hasbie Al Shiddieque Ahmad

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

[abdulazis@kuis.edu.my](mailto:abdulazis@kuis.edu.my)

### ABSTRAK

*Imam al-Ghazali salah seorang ulama dan pengarang terulung dalam dunia penulisan. Sumbangan beliau dalam bidang keilmuan tidak dapat dipertikaikan lagi. Karya beliau *Ihya* ‘Ulumuddin merupakan salah satu daripada hasil karya yang dihasilkan dalam pelbagai bidang. Pengkaji menghuraikan dengan lebih terperinci mengenai biografi tokoh ilmuan yang digelar sebagai *Hujjatul Islam*. Walaupun demikian, karya ini mengandungi jumlah hadith yang banyak yang menjadi dalil atau nas terhadap hujah dan kenyataan yang dikemukakan. Melalui kajian yang dilakukan terhadap kitab ini, dan terdapat topik al-ilm yang menjadi sampel kajian pengkaji. Secara keseluruhan hadith yang terdapat dalam bab atau topik al-ilm adalah 220 buah hadith. Hanya 8 buah hadith yang dipilih pada bab yang pertama yang dijadikan sebagai semple kajian dengan menyatakan pelbagai taraf hadith. Kepelbagaiannya taraf hadith tersebut merujuk kepada hadith-hadith yang diterima dan ditolak. Dengan itu melalui kajian ini pengkaji berusaha untuk membantu dan mendedahkan bukan sahaja berkaitan pengarang kitab tersebut dan maklumat kitab itu, tetapi usaha pengkaji untuk mendedahkan dan mengeluarkan hadith-hadith yang disebutkan lalu ditakhrij dan diberikan ulasan ringkas berkaitan taraf hadith. Kajian ini akan menilai kedudukan hadith –hadith yang terdapat dalam kitab *Ihya* ‘Ulumuddin karya Imam al-ghazali dalam topik al-Ilm dan dikemukakan analisis berhubung dengan kedudukan hadith-hadith tersebut dalam aspek takhrij. Daripada keseluruhan maklumat itu, analisis dilakukan melalui penggunaan metodologi kuantitatif dan kualitatif. Hasil daripada analisis tersebut dapat mengenalpasti kedudukan hadith yang terdapat dalam bab atau topik kelebihan ilmu, kelebihan orang yang mengajar ilmu, dan kelebihan orang yang mempelajari ilmu dengan menggunakan kaedah jadual dan chart.*

**Keyword:** Takhrij, al-ilm, *Ihya*, ‘Ulumuddin, al-Ghazali

### 1. PENGENALAN

Imam al-Ghazali merupakan seorang tokoh ilmuan yang sangat dikagumi dan disegani kerana beliau dapat menguasai pelbagai ilmu seperti ilmu kalam, ilmu fiqh, ilmu tasawuf. Malahan pada akhir hayat Imam al-Ghazali, beliau sempat menekankan pengajian hadith Nabi Muhammad s.a.w. Beliau tidak meninggalkan harta yang bertimbun untuk dijadikan rebutan tetapi peninggalan beliau merupakan khazanah ilmu yang tidak dapat dinilai dengan sebarang material.

Selain daripada itu, Imam al-Ghazali juga telah mengarang banyak kitab daripada pelbagai ilmu yang dikuasainya seperti ilmu dalam kitab teleologi, ilmu tasawuf, ilmu falsafah, ilmu fiqh dan ilmu mantik. Kitab yang paling terkenal dan dijadikan rujukan sehingga kini ialah kitab *Ihya* ‘Ulumuddin. Kitab ini membahaskan mengenai ilmu-ilmu berkaitan agama. Imam al-Ghazali bukan hanya menceburi di dalam bidang an tetapi beliau seorang tokoh ilmuan yang sangat bijak, mempunyai daya ingatan yang kuat, pandangan yang sangat mendalam dan kebolehan menyelami makna-makna yang terperinci. Oleh yang demikian, Imam al-Ghazali perlu dicontohi oleh masyarakat pada zaman sekarang.

## 2. BIODATA IMAM AL-GHAZALI

Nama penuh Imam al-Ghazali ialah Abu Hamid Muhamad bin Muhamad bin Ahmad al-Ghazali al-Tusi al-Naisaburi (Imam al-Ghazali:2012). Nama sebenar beliau hanya Muhamad. Beliau dikenali sebagai Abu Hamid kerana mempunyai anak lelaki yang bernama Hamid yang meninggal dunia ketika masih bayi (Abdul Salam:2003). Bahkan beliau juga lebih dikenali sebagai al-Ghazali. Dua pendapat ahli sejarah mengenai penggunaan perkataan al-Ghazali yang dinisbahkan kepada beliau (Murtada al-Zubaidi:tt). Pertama, nama Imam al-Ghazali diambil sempena nama daerah tempat lahir beliau iaitu ‘Gazalah’. Oleh itu, sebutannya ialah al-Ghazali. Manakala yang kedua pula ialah berasal daripada pekerjaan harian bapa beliau sebagai seorang penenun dan penjual kain tenun. Di dalam bahasa arab dipanggil sebagai ‘gazzal’. Sebutannya ialah ‘al-Ghazzali’ sebagai satu sebutan penduduk Khurasan kepadanya. (Abu Hamid al-Ghazali:1968). Walau bagaimanapun, nama al-Ghazali diambil bersempena dengan nama kampung beliau dilahirkan. Pendapat ini lebih meluas digunakan.

Imam al-Ghazali telah mendapat gelaran *Hujjatul Islam* dari umat Islam seluruh dunia selepas beliau wafat. Ini merupakan hasil kejayaan beliau di dalam melakukan pembelaan yang dibuat terhadap agama Islam daripada serangan anasir-anasir dalam dan luar kerana perkara ini membahayakan umat Islam. Ibnu ‘Asakir berkata: “Imam Ghazali dilahirkan di Kota Thus pada tahun 450 H. Di sana, al-Ghazali mula mempelajari ilmu fiqh. Kemudian Ghazali beralih ke Naisabur dan sentiasa menghadiri pengajian Imam Haramain. Ghazali bersungguh-sungguh dan sangat tekun dan berjaya dalam waktu yang singkat.

Imam al-Ghazali merupakan seorang ahli pemikir Islam yang sangat masyhur dari kalangan umat Islam dan bukan Islam. Kehebatan al-Ghazali telah memberi kesan yang mendalam di dalam jiwa umat Islam melalui aspek pemikiran, akhlak dan juga pendidikan. Keilmuan beliau sangat meluas di dalam pelbagai ilmu terutama bidang falsafah, akidah, fiqh, ilmu kalam, ilmu tasawuf serta banyak lagi karya-karya ilmiah yang telah ditulis oleh beliau menjadi tatapan dan rujukan umat Islam pada masa kini.

## 3. GURU-GURU IMAM AL-GHAZALI

Antara para ‘ulama yang pernah mendidik Imam al-Ghazali ialah ( Abu Hamid al-Ghazali:1968) Antara guru Imam al-Ghazali yang pernah mendidik beliau di dalam ilmu fiqh ialah Abu Hamid Ahmad bin Muhamad al-Razkani al-Tusi, Abu al-Qasim al-Isma’ili dan yang terakhir ialah Imam al-Haramain al-Juwaini.

Guru-guru Imam al-Ghazali di dalam bidang hadith ialah Abu Sahak Muhamad bin Ahmad bin Abdullah al-Hafs al-Marwazi, al-Hakim Abu al-Fatah Nasr bin Ali al-Hakimi al-Tusi, Abdullah bin Muhamad bin Ahmad al-Khawari, Muhamad bin Yahya al-Suja’ al-Zauzani, Nasr bin Ibrahim al-Maqdisi dan terakhir ialah ‘Umar bin Abi al-Hassan al-Ru’asi al-Dahsatani. Manakala Guru-guru Imam al-Ghazali di dalam bidang tasawuf pula seperti al-Fadhl bin Muhamad bin Ali al-Faramdi al-Tusi dan Yusuf al-Nassaj.

## 4. PENDIDIKAN IMAM AL-GHAZALI

Semasa kecil, Imam al-Ghazali telah belajar di wilayah Thus dengan seorang guru yang bernama Ahmad bin Muhamad Abu Hamid al-Razkani. ( As-Subki. Tajuddin bin ‘Ali bin ‘Abdul Kafi. 1968) Kurikulum menekankan aspek menghafal al-Quran, mempelajari asas-asas membaca dan

menulis di dalam mata pelajaran tatabahasa Arab dan nahu, matematik, fiqh dan sebagainya. Ayah beliau seorang yang mencintai ilmu. Malangnya kehidupan keluarga ayah beliau yang tidak mengizinkan untuk mempelajari ilmu-ilmu yang lain dan berharap agar kedua-dua anaknya mendapat peluang untuk menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi dan seterusnya menjadi seorang alim. Ayahnya meninggal dunia pada usia yang masih muda. dan meninggalkan kedua-dua anaknya di bawah jagaan seorang sahabatnya.

Ketika Imam al-Ghazali berada di Jurjan, beliau telah berguru dengan Syeikh Ismail bin Saadah al-Ismail. Tempoh pengajian ketika beliau berada di Jurjan selama lima tahun. Pada tahun 407 H, beliau kembali ke kampung dan tinggal di sana selama tiga tahun. Ketika di dalam perjalanan, beliau telah dirompak dan kesemua buku-buku beliau dirampas. Sejak daripada peristiwa tersebut, beliau telah mengubah bentuk pembelajaran beliau daripada menulis kepada menghafal buku-buku yang telah ditulis. Dengan perubahan bentuk pembelajaran yang dilakukan, beliau pakar di dalam pelbagai bidang ilmu yang dipelajari sehingga para pengkaji menyifatkan beliau sebagai ensiklopedia pada zaman tersebut. ( Mohd Farid al-Rifai:1936)

Semasa Imam al-Ghazali menamatkan pengajian di dalam bidang fiqh di Thus dan Jurjan, beliau berpindah ke Naisabur yang terletak 49 batu ke arah barat daerah Thus. Pada waktu itu, Imam al-Ghazali berumur 23 tahun bersamaan 473H. Ketika di Naisabur, beliau telah berguru dengan Abdul Malik bin Abdullah bin Yusuf Muhammad al-Juwaini atau lebih dikenali sebagai Imam al-Harmain al-Juwaini di dalam pelbagai bidang ilmu seperti ilmu mantik, ilmu falsafah dan ilmu fiqh mazhab Imam al-Syafi'y. Imam al-Ghazali merupakan seorang murid yang sangat bijak dan sentiasa berusaha untuk mengkaji dan menyelidik sehingga Imam al-Harmain menyifatkan beliau sebagai ‘lautan yang melimpah.

## 5. KEWAFATAN IMAM AL-GHAZALI

Setelah Imam al-Ghazali mengabdikan diri untuk menimba ilmu pengetahuan selama berpuluhan-puluhan tahun lamanya dan mendapat kebenaran yang hakiki pada akhir hayatnya, Imam al-Ghazali telah menghembuskan nafas terakhir di kampung beliau iaitu wilayah Tus pada 14 Jamadil Akhir tahun 505H bersamaan 19 Disember 1111 M. Jenazah Imam al-Ghazali disemadikan di sebelah timur perkuburan Thaberran berhampiran dengan kubur seorang penyair terkenal iaitu Firdausi.

Abu al-Farj Ibnu al-Jauzi di dalam kitab beliau yang bertajuk *al-Thabat 'Ind al-Mamat* memetik kata-kata Ahmad iaitu adik Imam al-Ghazali iaitu, “Pada waktu subuh hari Isnin, abangku Abu Hamid mengambil wuduk lalu bersembahyang. Kemudian dia berkata, “Bawakan kain kapanku,” lalu diambil dan dicium serta diletakkan di mata sambil berkata lagi, “Aku patuh dan taat untuk masuk kepada malaikat.” Kemudian al-Ghazali mengunjurkan kakinya dan menghadap ke arah kiblat dan meninggal dunia sebelum matahari terbit. Beliau meninggalkan anak-anak perempuan sahaja kerana anak lelaki, Hamid telah meninggal dunia sewaktu kecil lagi. Beliau tidak terlibat dengan sesiapa pun di dalam hal-hal dunia. Al-Ghazali dipersembahkan dengan harta kekayaan tetapi enggan menerima. Beliau berhati-hati dengan kadar yang boleh memelihara agamanya dan tidak memerlukannya untuk meminta atau mendapatkan daripada orang lain. ( Adil Za'bub:1993)

## 6. KARYA IMAM AL-GHAZALI

Menyelidiki hasil karya Imam al-Ghazali di dalam kitabnya ‘*Muallafat al-Ghazali*’. Ternyata hasil karya yang ditulis oleh Imam al-Ghazali mencapai 457 buah kitab. Antara karya-karya Imam al-Ghazali adalah seperti berikut: (Imam al-Ghazali terj. Ibnu Yasin:2012)

1. *Ihya'Ulumuddin*. Dicetak berulang kali. Antaranya ialah cetak Bulaq tahun 1269, 1279, 1282, cetakan Istanbul Turki pada tahun 1321, cetakan Tehran Iran pada tahun 1293 dan cetakan Dar al-Qalam Beirut tanpa tahun.
2. *Al-Adab fi al-Din*. Dicetak di dalam Majmu'ah al-Rasa'il, Kaherah Mesir pada tahun 1328H: 1910M mulai halaman 63-94.
3. *Asas al-Qiyas*. Al-Ghazali menyebutkannya dalam *al-Mustashfa* 1/38, 2/238 dan 3/325 cetakan Mesir tahun 1324H: 1907M. Muhammad bin Hasan menyebutkan kitab *Asas* tersebut dalam *Tabaqat* dan Dr. Abdurrahman Badawi 61. Tulisan tangannya di perpustakaan Negara Mesir dengan nombor 7 Majami’.
4. *Al-Istdraj*. Al-Ghazali menyebutkan di dalam *Ad-Durrah al-Fakhira* halaman 57. Terdapat tulisan tangan salinannya dengan nombor 18 Tasawuf Arabi Asifiyah.
5. *Al-Arba'in fi Usul ad-Din*. Dicetak di Kaherah pada tahun 1328H: 1910M dan Maktabah at-Tijariyah Kaherah tanpa tahun.
6. *Asrar Mu'amalat ad-Din*. Disebutkan oleh Imam Al-Subki di dalam *Tabaqat al-Syafi'iyyah al-Kubra*. Muhammad bin Hasan juga menyebutkannya dalam kitab *At-Tabaqat*. Demikin juga telah disebutkan oleh Imam al-Ghazali sendiri di dalam *Minhajul 'Abidin* halaman 32 dan Dr. Badawi Abdurrahman halaman 68.
7. *Al-Iqtisad fi al-I'tiqad*. Dicetak di Kaherah Mustafa al-Qabani tahun 1320H. Di bahagian luar kitab *al-Insan al-Kamil* oleh al-Jailani cetakan Kaherah tahun 1328H. Dan dicetak bersama dengan *al-Munqidh*, *al-Madhnun* serta *Tarbiyah al-Aulad* Bombay Pakistan tanpa tahun. Pernah diterjemahkan ke dalam bahasa Sepanyol. Imam al-Subki menyebut di dalam 4/116, al-Zubaidi di dalam kitab *Ithaf* 1/41 dan juga disebut oleh Muhammad bin Hasan.
8. *Iljam al-'Awam 'an 'Ilmi al-Kalam*. Dicetak di Istanbul Turki pada tahun 1287H dan di Kaherah pada tahun 1303, 1309, 1350 dengan inisiatif Muhammad Ali Athiyah al-Katabi serta tahun 1351, cetakan al-Muniriyah. Pernah diterjemahkan ke dalam bahasa Sepanyol.
9. *Bidayah al-Hidayah*. Dicetak berulang kali. Antaranya cetakan Bulaq 1287, Kaherah 1277 dan 1303, dicetak bersama pertabalan Muhammad Nawawi al-Jawi di Kaherah pada tahun 1308, Bulaq pada tahun 1309, Locknow pada tahun 1893M, Kaherah pada tahun 1306, 1326, Bombay pada tahun 1326, Kaherah tahun 1353H dan tahun 1958M percetakan al-Quran.
10. *At-Ta'wilat*. Disebutkan oleh Brockelman nombor 1/747. Di antara salinannya terdapat tulisan tangan di perpustakaan Aya Ahafiya Istanbul Turki di dalam Majmuk nombor 2246.
11. *Tahafut al-Falasifah*. Dicetak di Kaherah pada tahun 1302, 1319, 1320, 1321 dan 1355H. Dicetak di Bombay Pakistan cetakan Hijr 1304. Diterjemah ke bahasa Latin oleh C.Calonymus dan dijual bebas pada 1527M dengan tajuk ‘Destretio Philosophiac’ dan dicetak dua kali di Bunduqiyah pada tahun 1527 dan 1562.
12. *Jawab al-Ghazali 'an Da'wah Muayyad al-Mulk Lah Limu'awadah at-Tadrис bi An Nidhamiyah fi Baghdad*. Disebutkan oleh Daulatsyah dalam Tadzkirah, buletin Edward

- G. Brown, Leiden tahun 1901 halaman 99. Dr. Abdurrahman Badawi menuturkannya pada halaman 30.
13. *Jawahir al-Quran wa Duraruh*. Dicetak di Makkah pada tahun 1302, di Bombay India pada tahun 1311, di Kaherah pada tahun 1320 percetakan Farj al-Kurdi dan pada tahun 1352 di percetakan Tijariyah.
14. *Hujjah al-Haqq*. Disebutkan oleh Imam al-Ghazali di dalam kitab *al-Munqidh* pada halaman 118 cetakan Damaskus tahun 1934, *Tabaqat al-Aliyah*, Subki 1/116, al-Ghazali dalam *Jawahir al-Quran* halaman 21 cetakan Kaherah tahun 1933 dan Dr. Abdurrahman Badawi 23.
15. *Haqiqah al-Quran*. Imam al-Ghazali menuturkannya di dalam *al-Mustashfa* 1/67 dan Dr. Abdurrahman Badawi 62.
16. *Qawasim al-Batiniyah*. Disebutkan oleh Imam al-Ghazali di dalam kitab *Jawahir al-Quran* halaman 26 dan Dr. Abdurrahman Badawi halaman 24.
17. *Al-Munqidh min ad-Dhalal*. Dicetak di Istanbul pada tahun 1286H dan tahun 1303 serta di Kaherah pada tahun 1309. Pernah juga dicetak di bahagian pinggir al-Insan al-Kamil. Pernah diterjemah ke dalam bahasa Parsi sebanyak tiga kali, ke dalam bahasa Inggeris, bahasa Turki dan Belanda sebanyak dua kali.
18. *Al-Maqasid al-Athna fi Syarh al-Asma' al-Husna*. Dicetak di Kaherah pada tahun 1324, percetakan 'Alamiyah Kaherah tanpa tahun dan percetakan al-Quran Kaherah pada tahun 1986 dengan koreksi Muhammad Uthman al-Khasyat.
19. *Al-Wajiz*. Pernah dicetak di Kaherah oleh percetakan al-Muayyad tahun 1317 dalam dua juzuk.
20. *Lubab al-Nadhar*. Disebutkan oleh Imam al-Ghazali di dalam kitab *Mi'yar al-'Ilm* halaman 27 cetakan tahun 1927, Dr. Abdurrahman Badawi menyebutkannya di halaman 9.

Imam al-Zubaidi menjelaskan bahawa terdapat beberapa kitab yang telah disandarkan kepada Imam al-Ghazali. Ahli tahqiq menegaskan bahawa kitab-kitab tersebut bukanlah dikarang oleh beliau. Antara kitab-kitab tersebut ialah:

1. *As-Sir al-Maktum fi Asrar an-Nujum*.
2. *Tahsin an-Nujum*.
3. *An-Nafkh wa at-Taswiyah*.
4. *Al-Madhnum bihi 'ala al-Ghairi Ahli*.

Empat buah kitab di atas adalah kitab-kitab yang dipalsukan ke atas Imam al-Ghazali. Ibnu al-Subki berkata: Ibnu Solah menyebutkan bahawa ia dinasabkan kepadanya lalu berkata: "Aku berlindung kepada Allah s.w.t., sekiranya beliau mempunyai kitab seperti itu dan menjelaskan kedudukan bahawa ia sebenarnya adalah direka-reka dan dipalsukan ke atasnya dan sekiranya benar seperti apa yang telah dikatakannya kerana kitab tersebut mengandungi penegasan akan qadimnya alam ini dan menafikan ilmu qadim dengan bahagian-bahagiannya. Setiap pendapat ini, al-Ghazali mengkafirkan orang yang mengatakan sedangkan beliau dari kalangan Ahli Sunnah dan dengan kesepakatan mereka, maka bagaimana dapat dikatakan beliau mengatakan seperti ini. (Azmi Aziz & Wan Ramli Wan Muhammad:2002)

## 7. PENGENALAN KITAB ‘IHYA’ ULUMUDDIN

Kitab *Ihya’ Ulumuddin* yang dikarang oleh Imam al-Ghazali merupakan sebuah kitab yang sangat agung dan tinggi nilainya. Kitab ini ditulis antara tahun 489H dan 495H ketika beliau mengembara untuk mencari hakikat yang sebenar. Selain itu, kitab ini juga ditulis ketika beliau pulang dari menunaikan ibadah haji menuju ke Damsyik dan Palestin. Ketika beliau menetap di Damsyik, beliau tinggal bersebelahan dengan Masjid Jami’ al-Umawi iaitu suatu tempat yang terkenal sehingga sekarang iaitu ‘Al-Ghazaliyyah’. Terdapat satu sudut di dalam masjid tersebut di mana tempat Imam al-Ghazali mendarang kitab *Ihya’ Ulumuddin*.

Kitab *Ihya’ Ulumuddin* mempunyai peranan dan pengaruh yang sangat besar dalam menangkis serangan materialisme dan juga ateisme. Ini bertujuan untuk meruntuhkan serangan-serangan fikriyah yang boleh meruntuhkan agama. Serangan-serangan terhadap agama Islam dilakukan dengan pelbagai cara. Oleh sebab itu, Imam al-Ghazali memberi tajuk kitab beliau iaitu *Ihya’ Ulumuddin*. Manakala di dalam bahasa Inggeris dikenali sebagai ‘Revival of Religious Sciences’ yang bermaksud ‘Menghidupkan Kembali Ilmu-Ilmu Agama’.

## 8. TAKHRIJ DAN ANALISIS HADITH AL-ILM

Dalam kitab *Ihya’ Ulumuddin*, terdapat perbahasan yang jelas berhubung dengan kelebihan menuntut ilmu yang diletakkan pada bahagian *Kitab al-Ilm*. Melalui analisis kualitatif dan kuantitatif yang dilakukan pengkaji, jumlah keseluruhan hadith yang terdapat pada bahagian tersebut ialah sebanyak 220 hadith. Daripada jumlah tersebut, pengkaji hanya memfokuskan sebanyak 50 hadith sahaja yang dipilih secara rawak dalam setiap bab pada bahagian *Kitab al-Ilm* sebagai skop kajian. Hadith-hadith tersebut kemudiannya dianalisis dan diletakkan hukumnya dengan berpandukan kepada metodologi yang digariskan oleh para ulama’ hadith serta dikategorikan hadith-hadith tersebut mengikut martabat atau taraf seperti: Sahih, Hasan, Da’if dan Mawdu’.

Dalam mentakhrij hadith pengkaji banyak bergantung kepada program *al-Maktabah al-Syamilah*. (Mohd. Khafidz bin Soroni:2009) edisi ketiga dan laman web hadith seperti *Al-Islam-hadith* (*Al-Islam-hadith*: <http://hadith.al-islam.com>) yang banyak mengandungi kitab hadith dalam pelbagai bidang. Ia secara tidak langsung mempercepatkan usaha pencarian hadith yang hendak ditakhrij.

Dari aspek penghukuman hadith pula adalah seperti berikut: Mengumpulkan sebanyak mungkin pendapat ulama’ terhadap sesebuah hadith melalui kaedah pencarian melalui internet menggunakan laman web hadith iaitu *Al-Durar al-Saniyyah* (*Al-Durar al-Saniyyah*: <http://www.dorar.net/dorar/hadith.php>). Pendapat-pendapat mereka kemudiannya akan diteliti seterusnya dirumuskan hukum yang bertepatan dengan metodologi ulama’ hadith.

Jika pendapat para ulama’ hadith bercanggah sama ada di dalam menghukum hadith mahupun dalam *al-Jarh wa al-Ta`dil*, maka pengkaji akan mengambil kira kedudukan dan klasifikasi ulama’ itu sendiri mengikut kaedah yang digunakan oleh ulama’ hadith, seperti *mutasyaddid* (keras), *mu`tadil* (seimbang) dan *mutasahil* (memudahkan). Pengkaji akan lebih mengambil kira pendapat golongan ulama’ yang dikelompokkan sebagai *mu`tadil* seperti al-Bukhari, Ahmad dan Ibn Hajar dalam *al-Jarh wa al-Ta`dil* serta Ibn Hajar, al-Sakhawi dan al-Munawi dalam menghukumkan hadith. Pendapat tokoh ulama’ hadith *mu`asirin* seperti al-Albani turut menjadi

rujukan utama. Riwayat-riwayat lain yang sahih atau hasan akan dikemukakan jika hadith yang ditakhrijkan berstatus da`if.

*Kitab al-'Ilm* merupakan *al-Kitab al-Awwal* daripada *rub' al-'Ibadat*. Pada bahagian ini pengkaji meneliti bahawa Imam al-Ghazali telah menyusun *Kitab al-'Ilm* dengan membahagikan kepada tujuh bab seperti berikut:

1. Bab pertama: Tentang kelebihan ilmu, kelebihan mengajar dan belajar.
2. Bab kedua: Tentang ilmu-ilmu fardu 'ain dan fardu kifayah, menerangkan batas ilmu fiqh, membincangkan ilmu agama, penjelasan ilmu akhirat dan ilmu dunia.
3. Bab ketiga: Tentang perkara yang disangka oleh orang awam, termasuk sebahagian dari ilmu agama, sebenarnya tidak. Juga menerangkan jenis ilmu yang tercela dan kadarnya.
4. Bab keempat: Tentang bahaya perdebatan dan menyebabkan kesibukan manusia dengan berselisih dan bertengkar.
5. Bab kelima: Tentang adab pengajar dan pelajar.
6. Bab keenam: Tentang bahaya ilmu, 'ulama dan tanda-tanda yang membezakan antara 'ulama dunia dan 'ulama akhirat.
7. Bab ketujuh: Tentang akal, kelebihan akal, bahagian-bahagian akal dan hadith-hadith yang membicarakan tentang akal.

Namun demikian, pengkaji hanya membahaskan dan menganalisis dua Bab yang pertama dalam penentuan darajah hadith. Manakala baki bab yang berikutnya akan dibahaskan pada sesi yang akan datang.

## **9. HADITH KELEBIHAN ILMU, KELEBIHAN MENGAJAR DAN BELAJAR.**

Al-Imam al-Ghazali membawa beberapa hadith yang berkaitan dengan kelebihan ilmu, orang yang mengajar ilmu, dan orang yang mempelajari ilmu sebagai penerapan pertama dalam kitab *Ihya' 'Ulum al-Din*. Berdasarkan kepada penelitian di dalam bab yang pertama, terdapat lapan hadith yang diketengahkan oleh al-Imam al-Ghazali. Setelah dikenalpasti kelapan-lapan hadith tersebut, pengkaji mentakhrij hadith bersama hukum yang terdapat pada setiap hadith tersebut. Pentakhrijan hadith adalah seperti berikut:

### **1. Hadith No. 1**

من يرد الله به خيراً يفقهه في الدين ويلهمه رشده

Maksudnya: "Barangsiaapa dikehendaki Allah akan memperoleh kebaikan, nescaya dianugerahi-Nya pemahaman dalam agama dan diilhami-Nya petunjuk. (Muhammad al-Ghazali: 2002)

Takhrij Hadith

Hadith ini merupakan hadith *muttafaqun 'alayh* dari Mu'awiyyah tanpa perkataan (ولهمه رشده). Perkataan ini adalah perkataan tambahan oleh al-Tabrani dalam kitab *al-Kabir*.

Hukum Hadith

Hukum hadith ini adalah sahih berdasarkan pendapat Ibn Hajar al-'Asqalani. Beliau berpendapat hadith riwayat Mu'awiyah bin Abi Sufyan ini sanadnya sahih dan bersambung serta *rijal hadith* adalah *thiqah*. (Ahmad bin 'Ali bin Hajar al-Asqalani:1985)

## 2. Hadith No. 2

العلماء ورثة الأنبياء

Maksudnya: “Orang berilmu (ulama) itu adalah pewaris dari Nabi-Nabi”.  
(Muhammad al-Ghazali: 2002)

Takhrij Hadith

Hadith ini diriwayatkan oleh Abu Dawud (Sulaiman Bin al-‘Asy’ath), al-Tirmidhi (Muhammad bin Isa), Ibn Majah (Muhammad Bin Yazid), dan Ibn Hibban (Abu Hatim Bin Hatim) dalam sahihnya dari hadith Abi al-Darda’. (Mahmud Bin Muhammad)

Hukum Hadith

Hukum hadith ini adalah hasan berdasarkan pendapat Ibn Hajar al-‘Asqalani. (Ahmad bin ‘Ali bin Hajar al-Asqalani: 2001)

## 3. Hadith No. 3

يستغفر للعالم ما في السموات والأرض

Maksudnya: “Isi langit dan isi bumi meminta ampun untuk orang yang berilmu.”  
(Muhammad al-Ghazali: 2002)

Takhrij Hadith

Hadith ini merupakan sebahagian daripada hadith Abi al-Darda’ yang sebelumnya.<sup>1</sup>

Hukum Hadith

Hukum hadith ini adalah hasan sama seperti hadith sebelumnya.

## 4. Hadith No. 4

إن الحكمة تزيد الشريف شرفاً وترفع المملوك حتى يدرك مدارك الملك

Maksudnya: "Bahawa ilmu pengetahuan itu menambahkan kemuliaan orang yang mulia dan meninggikan seorang hamba tawanan sampai ke tingkat raja-raja.”  
(Muhammad al-Ghazali: 2002)

Takhrij Hadith

Hadith ini diriwayatkan oleh Abu Na’im dalam al-Hilyah, Ibn ‘Abd al-Bir dalam Bayan al-‘Ilm, dan Abd al-Ghani al-Azidi dalam Adab al-Muhaddith daripada hadith Anas dengan sanad da’if. (Mahmud Bin Muhammad) Jika dilihat pada rantaian sanad ini menurut al-Munawi, hadith ini dari ‘Amru bin Hamzah – Salih – al-Hasan – Anas. (Mahmud Bin Muhammad) Abu Na’im berkata hadith ini gharib dari hadith al-Hasan dan tidak ada yang meriwayatkannya dari ‘Amru kecuali Salih. (Ahmad Bin ‘Abd Allah: 2011) Jika diteliti

<sup>1</sup> Hadith yang dimaksudkan adalah hadith riwayat Tirmidhi dengan lafaz (...). Sila lihat Muhammad bin ‘Isa al-Tirmidhi. *Op.cit.*

dari sudut dalam *al-Jarh wa al-Ta`dil*, hadith ini menjadi da`if kerana Salih bin Basyar da`if yang matruk (perawinya dituduh berbohong). (Muhammad Bin Tahir: 1995)

#### Hukum Hadith

Berdasarkan keterangan di atas, hukum bagi hadith ini adalah daif. Ia telah dihukumkan sebagai daif oleh Mahmud bin Muhammad al-Haddad di dalam kitab beliau iaitu *Takhrij Ahadith Ihya' 'Ulum al-Din li al-'Iraqi wa Ibn al-Subki wa al-Zubaidi*.

### 5. Hadith No. 5

**خَلْتَانٌ لَا يَكُونُانِ فِي مَنَافِقِ حَسْنٍ سَمْتٍ وَفَقْهٍ فِي الدِّينِ**

Maksudnya: “Dua perkara yang tidak dijumpai pada orang munafiq; baik kelakuan dan mempunyai kefahaman agama”. (Muhammad al-Ghazali: 2002)

#### Takhrij Hadith

Hadith ini diriwiyatkan oleh al-Tirmidhi dari hadith Abi Hurairah dan hadith ini adalah gharib. (Muhammad Bin Isa) Jika diteliti dari sudut dalam *al-Jarh wa al-Ta`dil*, hadith ini menjadi da`if kerana isnadnya da`if. Pada hadith tersebut terdapat seorang rawi yang bernama Khalaf bin Ayub kerana dia adalah perawi yang da`if.<sup>2</sup>

#### Hukum Hadith

Berdasarkan keterangan di atas, hukum bagi hadith ini adalah daif. Ia telah dihukumkan sebagai daif oleh Mahmud bin Muhammad al-Haddad di dalam kitab beliau iaitu *Takhrij Ahadith Ihya' 'Ulum al-Din li al-'Iraqi wa Ibn al-Subki wa al-Zubaidi*.

### 6. Hadith No. 6

**مِنْ سَلَكَ طَرِيقًا يَطْلَبُ فِيهِ عِلْمًا سَلَكَ اللَّهُ بِهِ طَرِيقًا إِلَى الْجَنَّةِ**

Maksudnya: “Barangsiapa menjalani suatu jalan untuk menuntut ilmu, maka dianugerahi Allah kepadanya jalan ke syurga”. (Muhammad al-Ghazali: 2002)

#### Takhrij Hadith

Hadith ini diriwiyatkan oleh Imam Muslim hadith Abi Hurairah.<sup>3</sup> Hadith ini merupakan hadith sahih. (Muhammad Nasr al-Din Bin Nuh: 1986)

#### Hukum Hadith

Berdasarkan keterangan di atas, hukum bagi hadith ini adalah sahih.

### 7. Hadith No. 7

<sup>2</sup> Pendapat ini merupakan pendapat dari Imam Ahmad. Sila lihat: Muhammad 'Abd al-Rahman bin 'Abd al-Rahim. tt. *Tuhfah al-Ahwadhi Syarah Jami'* al-Tirmidhi. Jil.7. Beirut: Dar al-Fikr. Hlm. 456-455.

<sup>3</sup> Hadith 71. Muslim bin al-Hajjaj, *Sahih Muslim*, Kitab al-Zakah, Bab Fadl al-Ijtima' 'ala Tilawah al-Qur'an wa 'ala al-Dhikr, No. Hadith 2699.

## حضور مجلس علم أفضل من صلاة ألف ركعة وعيادة ألف مريض وشهود ألف جنازة

Maksudnya: “Menghadiri majlis ilmu, lebih utama daripada mendirikan solat seribu rakaat, mengunjungi seribu orang sakit dan bertakziah kepada seribu jenazah”. (Muhammad al-Ghazali: 2002)

### Takhrij Hadith

Hadith ini terdapat di dalam kitab al-Mawdu’at (‘Abd Rahman bin ‘Ali Ibn Jawzi: 1997) karangan Imam Ibn Jawzi diriwayatkan dari hadith ‘Umar dan tidak terdapat padanya riwayat dari jalur periwayatan Abi Dhar. (Zain al-Din ‘Abd al-Rahim bin al-Husain: 2005) Hadith ini adalah hadith mawdu’ berdasarkan pendapat al-Zahabi kerana padanya terdapat seorang perawi yang dihukumkan sebagai *al-kadhab* (berdusta) iaitu al-Juwaibari dari hadith Ishaq bin Najih. (Muhammad bin Ahmad al-Zahabi: 1994)

### Hukum Hadith

Berdasarkan keterangan di atas, hukum bagi hadith ini adalah mawdu’. Ia telah dihukumkan sebagai mawdu oleh Muhammad bin Ahmad al-Zahabi di dalam kitab beliau iaitu *Tartib Al-Mawdu’at li Ibn Jawzi*.

## 8. Hadith No. 8

إِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ لَا يَنْتَزِعُ الْعِلْمَ اِنْتَزَاعًا مِّنَ النَّاسِ بَعْدَ أَنْ يُؤْتِيهِمْ إِيَاهُ وَلَكِنْ يَذْهَبُ بِذَهَابِ الْعُلَمَاءِ فَكُلُّمَا ذَهَبَ عَالَمٌ ذَهَبَ بِمَا مَعَهُ مِنَ الْعِلْمِ حَتَّىٰ إِذَا لَمْ يَبْقَ إِلَّا رُؤْسَاءُ جَهَالٍ إِنْ سُئُلُوا أَفْتَوُا بِغَيْرِ عِلْمٍ فَيَضْلُّونَ وَيَضْلُّونَ

Maksudnya: “Bawa Allah ‘Azza wa Jalla tidak mencabut ilmu dari manusia yang telah dianugerahi-Nya, tetapi ilmu itu pergi, dengan perginya (mati) para ulama’. Setiap kali pergi seorang ulama’, maka pergilah bersamanya ilmunya. Sehingga tiada yang tinggal lagi, selain dari pemimpin-pemimpin yang bodoh. Jika ditanya lalu memberi fatwa dengan tiada ilmu. Maka sesatlah mereka sendiri dan menyesatkan pula orang lain”. (Muhammad al-Ghazali: 2002)

### Takhrij Hadith

Hadith ini merupakan hadith *muttafaqun ‘alayh*<sup>4</sup> dari hadith Abdullah bin ‘Amru. (Zain al-Din ‘Abd al-Rahim bin al-Husain: 2005) Hadith ini merupakan hadith sahih berdasarkan pendapat Ibn al-‘Asakir. (‘Ali bin al-Hasan: 2000)

### Hukum Hadith

Berdasarkan keterangan di atas, hukum bagi hadith tersebut adalah sahih.

<sup>4</sup> Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim. Sila lihat: Muhammad bin Isma’il al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Kitab al-‘Ilm, Bab Kafa Yuqbad al-‘Ilm, No. Hadith 100. Muslim bin al-Hajjaj, *Sahih Muslim*, Kitab al-‘Ilm, Bab Inna Allah La Yaqbida al-‘Ilm Intiza’an Yantazi’uh min al-Nas, No. Hadith 2673.


## 10. HASIL DAPATAN KAJIAN DAN RUMUSAN

Setelah dianalisis hadith-hadith yang terdapat pada bab pertama dalam kitab *Ihya' 'Ulum al-Din* dapatlah disimpulkan bahawa al-Imam al-Ghazali memetik tiga hadith yang berstatus Sahih, dua hadith yang masing-masingnya berstatus Hasan dan Da'if dan satu hadith yang berstatus Maudu'. Ini dapat digambarkan seperti jadual dan chart yang di bawah:

Bil	Taraf Hadis	Bilangan Hadith
1.	Sahih	3
2.	Hasan	2
3.	Da'if	2
4.	Mawdu'	1

Jadual 1.0 Taburan hadith-hadith Bab 1 dalam Kitab *al-'Ilm* mengikut kategori taraf hadith.

Carta 1.0 Taburan hadith-hadith Bab 1 dalam Kitab *al-'Ilm* mengikut kategori taraf hadith.



Merujuk kepada analisis yang telah dijalankan pada Bab 1 dalam Kitab *al-'Ilm*, pengkaji dapat menyatakan bahawa daripada 8 buah hadith yang dikumpul secara rawak, hadith yang dikategorikan sebagai sahih merupakan hadith yang terbanyak dalam bab ini iaitu sebanyak 37% (3 buah hadith). Hadith mawdu' adalah yang paling sedikit iaitu sebanyak 13% (1 buah hadith) manakala hadith hasan dan da'if mempunyai peratus yang sama sebanyak 25% (2 buah hadith).

## 11. RUJUKAN

- 'Abd Rahman bin 'Ali Ibn Jawzi. 1997. *Al-Mawdu'at min al-Ahadith al-Marfu'at*. Jil. 1. Misr: Adwa' al-Salaf. Hlm. 363.  
 Abu Hamid Muhammad bin Muhammad al-Ghazali. 2002. *Ihya' 'Ulum al-Din*. Jil. 1. Cet. 2. Beirut: Dar al-Kutub al-'Alamiyah. Hlm. 13.

PERSIDANGAN ANTARABANGSA PENGAJIAN ISLAMIYYAT KALI KE-3 (IRSYAD2017)  
3<sup>rd</sup> INTERNATIONAL CONFERENCE ON ISLAMIYYAT STUDIES (IRSYAD2017)  
المؤتمر الدولي الثالث للدراسات الإسلامية (IRSYAD2017)

- Abu Hatim bin Hibban, *Sahih Ibn Hibban*, Kitab al-'Ilm, Bab al-Zajr 'an Kitbah al-Mar'i al-Sunan, No. Hadith 88.
- Ahmad bin 'Ali bin Hajar al-Asqalani. 2001. *Takhrij Misyakah al-Masabih*. Jil. 1. Al-Dumam: Dar Ibn Qayyim. Hlm. 151.
- Ahmad bin 'Abd Allah. 2011. *Hilyah al-Awliya' wa Tabaqat al-Asfiya'*. Jil. 6. Cet. 2. Beirut: Dar al-Kutub al-'Alamiyyah. Hlm. 185.
- 'Ali bin al-Hasan. 2000. *Al-Mu'jam al-Musytamil*. Jil. 2. Damsyiq: Dar al-Basya'ir. Hlm. 1057.
- Sulaiman bin al-'Asy'ath Abu Dawud, *Sunan Abi Dawud*, Kitab al-'Ilm, Bab Man Salaka Tariqan Yatlubu fihi 'Ilman Salak Allah bihi Tariqan min Turuq al-Jannah, No. Hadith 3641.
- Muhammad bin 'Isa al-Tirmidhi, *Sunan al-Tirmidhi*, Kitab al-'Ilm, Bab Faqih Asyaddu 'ala al-Syaitan min Alf 'Abid, No. Hadith 2682.
- Muhammad bin Yazid, *Sunan Ibn Majah*, Kitab al-Muqaddimah, Bab Fadl al-'Ulama' wa al-Hith 'ala Talab al-'Ilm, No. Hadith 223.
- Mahmud bin Muhammad al-Haddad. 1987. *Takhrij Ahadith Ihya' 'Ulum al-Din li al-'Iraqi wa Ibn al-Subki wa al-Zubaidi*. Jil. 1. Al-Riyad: Dar al-'Asimah.
- Muhammad bin Tahir. 1995. *Tadkirah al-Huffaz*. Al-Riyad: Dar al-Sami'i. Hlm. 117.
- Muhammad 'Abd al-Rahman bin 'Abd al-Rahim. tt. *Tuhfah al-Ahwadhi Syarah Jami' al-Tirmidhi*. Jil. 7. Beirut: Dar al-Fikr. Hlm. 456-455.
- Muhammad bin Ahmad al-Zahabi. 1994. *Tartib Al-Mawdu'at li Ibn Jawzi*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Alamiyyah. Hlm. 55.
- Muhammad Nasr al-Din bin Nuh al-Albani. 1986. *Sahih Sunan Ibn Majah*. Al-Khalij: Maktab al-Tarbiyah al-'Arabi. Hlm. 185.
- Muslim bin al-Hajjaj, *Sahih Muslim*, Kitab al-Zakah, Bab Fadl al-Ijtima' 'ala Tilawah al-Qur'an wa 'ala al-Dhikr, No. Hadith 2699.
- Zain al-Din 'Abd al-Rahim bin al-Husain. 2005. *Al-Mughni 'an Haml al-Asfar fi al-Asfar*. Juz 1. Beirut: Dar Ibn Hazm. Hlm. 16.